



GUATANAMO membawa TERRY kepada Islam

Siapa yang tidak tahu dengan Teluk Guatanamo di Cuba? Pasti bagi yang sering mengikuti perkembangan dunia Islam mengenali dengan jelas tempat ini. Di sinilah bangunan penjara yang sangat mengerikan dengan penjagaan yang begitu ketat dan terkawal.

Oleh: MOHD. AZRIN WAHID


Bangunan yang dibina oleh kerajaan Amerika Syarikat (AS) bertujuan memenjarakan para tokoh dan muhidin Islam yang dianggap sebagai manusia paling berbahaya di dunia sebagai penganas.

Sebahagian besar daripada tahanan di penjara ini adalah Muslim, dengan latar belakang yang pelbagai berasal dari Negara Iraq dan Afghanistan serta kepulauan Arab. Di penjara ini jugalah dunia telah dikejutkan dengan pelbagai kisah penyiksaan, penghinaan, pembunuhan dan pelbagai lagi bentuk kezaliman yang dilakukan terhadap banduan-banduan hanya kerana mereka membawa satu identiti... Islam.


Mereka yang menjadi penghuni di dalam bangunan ini dipandang jijik, dihina dengan layanan melangkau fitrah seorang manusia hatta sekalipun seekor haiwan. Itulah nasib yang diterima oleh mereka yang bergelar banduan di penjara ini.

Walaupun begitu, mujur sebahagian besar masyarakat dunia memandang dengan reaksi negatif kewujudan penjara Guatanamo. Tuntutan agar penjara ini ditutup mengalir deras terhadap kerajaan AS sehingga Presiden AS, Barrack Obama menyambut baik tuntutan tersebut.

Sekalipun dilingkari dengan kisah-kisah yang jelik dan pahit dari penjara



Upun tubuh mereka berada di balik jeriji besi, tetapi jiwa mereka jauh lebih merdeka," Terry



Guantanamo membawa Terry kepada Islam.

it, namun masih terdapat lagi apa kisah indah yang menjadi ar bagi umat Islam. Kisah yang u terhadap salah seorang pengana, Terry Holdbrooks menjadi ng bermakna pada dirinya. idupan para tahanan banduan penjara itu sememangnya memsan dan pengaruh yang besar hidup Terry yang pada mulanya terumbang-ambing, sementalah dua-dua ibu bapanya yang bersejak dia berusia tujuh tahun.

Dilahirkan di Phoenix, Arizona iaitu salah sebuah negeri di Amerika Syarikat dan terkenal dengan gurunya pada 32 tahun yang lalu, dia sama sekali tidak pernah mendengar tentang Islam. Apatah lagi mengetahuinya sebagai sebuah agama. Ini kerana dia tidak pernah kenal tentang kewujudan tuhan selama membesar di sana. Kehidupan junkies yang dilaluinya saban waktu telah membawanya kepada dunia yang penuh dengan maksiat.

Memasuki usia dewasa seusai pendidikan menengah, dia memohon kerja sebagai tentera kerana timbul kesedaran untuk berubah. Akhirnya dia diterima menyertai badan beruniform tersebut tetapi ditugaskan ke Guantanamo pada tahun 2003. Ketika itu dia usianya baru 19 tahun.

Walaupun itu merupakan tugas yang pertama sebagai tentera, Terry tetap menerimanya sekalipun tahu tempat tersebut merupakan tempat paling berbahaya kerana dihuni oleh manusia paling buruk di antara yang terburuk.

Hal ini disebabkan dia sebelumnya telah menyaksikan rakaman video peristiwa 11 September 2001 yang menyaksikan umat Islam membuat serangan terhadap bangunan World Trade Center.

Dia juga turut berasakan di penjara itu nanti akan bertemu dengan orang-orang yang AS anggap sebagai musuh yang kejam dan berbahaya. Di benak fikirannya hanya satu, dia pasti bertemu dengan pemandu Osama bin Laden, jurumasaknya serta orang-orang yang akan membunuhnya jika mereka punyai peluang dan kesempatan. **A**

SETIASA

Setiap hari ADA KEJADIAN

Dari Abu Hurairah r.a. katanya, Rasulullah s.a.w. memegang tangannya lalu baginda bersabda, "Allah menjadikan tanah pada hari Sabtu, menancapkan gunung pada hari Ahad, menumbuhkan pokok-pokok pada hari Isnin, menjadikan bahan-bahan mineral pada hari Sabtu, menjadikan cahaya pada hari Rabu, menebarkan bintang pada hari Khamis dan menjadikan Adam a.s. sesudah Asar pada hari Jumaat setelah selesai tercapai seluruh makhluk dan pada saat terakhir di hari Jumaat antara Asar dan malam."**A**

GUATANAMO aku datang



Sampai sahaja di Guantanamo, seribu pertanyaan dan persoalan berlegar di benak fikirannya. Ketika itu buat pertama kalinya, dia bertemu dengan seorang tahanan yang usianya baru menjangkau usia 16 tahun. Tahanan tersebut menyatakan bahawa dia sama sekali tidak pernah melihat laut dan tidak pun mengetahui yang bumi ini berbentuk bulat. Lalu timbul persoalan adakah anak muda itu tahu tentang rencana dunia gagasan pemerintah AS iaitu 'War of Terror' (gerakan global memerangi pengganas).

Daripada persoalan kecil yang timbul itu akhirnya membawa satu perubahan yang besar dalam hidupnya. Perlahan-lahan dia cuba mengenali Islam yang mula bercambah dalam jiwanya. Ketika para pengawal lain menyibukkan diri dengan alkohol dan gambar porno, Terry banyak memanfaatkan waktunya untuk berinteraksi dengan tahanan yang selama ini dianggap oleh pemerintah AS sebagai pengganas.

Dengan bermodalkan senyuman, membuatnya cepat ramah dengan warga penghuni Guantanamo hingga dia dikenal sebagai pengawal yang baik. Terry mula membicarakan soal latar belakang politik, etnik, moral,

agama dan juga budaya mereka. Hasil daripada diskusi itu memberinya banyak pencerahan. Dan daripada para warga Guantanamo inilah, dia mulai mendapatkan informasi tentang Islam secara mendalam.

Keadaan ini secara tidak langsung membuatkan dia mengalami kejutan budaya kerana selama ini dia tidak tahu sama sekali tentang Islam apatah konsep ketuhanan.

Setahun sebagai pengawal penjara ia telah mengubah hidupnya secara total. Satu malam, Terry memberanikan diri berjumpa dengan jeneral penjara buat kali kedua menyatakan hasratnya untuk memeluk Islam.

Terry tidak puas hati kerana pertemuan pertamanya dengan jeneral penjara, hasratnya ditolak mentah-mentah. Namun untuk kali kedua, dia mahu berbicara panjang lebar.

"Dengar adik! Adakah awak faham perkara ini akan mengubah keseluruhan hidup awak? Awak tidak boleh lagi minum arak, merokok dan makan babi. Melakukan persetubuhan di luar nikah, serta menonton porno. Awak kena belajar bahasa Arab, perlu solat lima kali sehari, belajar agama dan perlu ikut segala yang disuruh Allah. Bukan itu sahaja, awak tidak boleh lagi bersama kami di sini, rakan dan keluarga awak pasti akan membenci dan hidup awak akan susah," amaran Jeneral.

Suatu petang pada 29 Disember 2003, setelah hampir setahun mengkaji dan memahami tentang Islam, dia akhirnya membuat tekad dengan membuat satu keputusan yang sangat besar mengucapkan syahadah. Dengan disaksikan beberapa orang rakan, Terry akhirnya kembali kepada fitrah seorang manusia.

Seorang tahanan yang menjadi mentornya selama di sana telah memimpin upacara sederhana pengu-

capan syahadahnya. Lantas dengan ucapannya itu dia memutuskan untuk tidak lagi melakukan segala jenis maksiat termasuk kebiasaannya mengambil minuman keras yang selama ini menjadi rutিনnya.

Terry berasakan ia seperti lahir kembali seusai kalimah syahadah meniti di bibir. Dengan pengislamannya, maka dia menukar namanya kepada Mustafa Abdullah. Baginya sesuatu itu tidak mudah buatnya, apalagi untuk mendirikan solat lima waktu di penjara Guantanamo. Namun begitu ia tidak membuatnya menyerah bahkan bertambah mantap untuk tetap kukuh berada dalam Islam.

Sesaat dia merasa dirinya terlalu kerdil di hadapan tahanan Guantanamo. Lantas hatinya berbisik, "selama aku bergelag pengawal penjara, berasa malu bertimpa-timpa. Walaupun tubuh mereka berada di balik jeriji besi, akan tetapi sebenarnya para tahanan itu jiwanya jauh lebih merdeka dariku. Aku ni fizikalnya bebas tetapi jiwa terpenjara dengan peraturan tentera. Sampai bila...?"

Pada musim panas tahun 2004, Terry berasakan dirinya tidak lagi sesuai untuk berada di Guantanamo lalu meninggalkan tempat tersebut dengan berenti sebagai tentera. Kini dia sudah pun berkahwin dan sedang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (Phd) dalam bidang Teologi Islam. Harapan dan takdirnya hanya satu semoga satu masa nanti Amerika akan menjadi lebih baik dan menjadi pemangkin kepada sinar Islam. **A**

TERRY BERASAKAN IA SEPERTI LAHIR KEMBALI SEUSAI KALIMAH SYAHADAH MENITI DI BIBIR. DENGAN PENGISLAMANNYA, MAKA DIA MENUKAR NAMANYA KEPADA MUSTAFA ABDULLAH.